

Pesuruhjaya Polis Sabah terima Ijazah Kehormat Sarjana Sastera dari UMS

DE 27.11.16 3

KOTA KINABALU:
Pesuruhjaya Polis
Sabah Datuk Abdul
Rashid Harun (**gam-
bar**) pada Sabtu di-
anugerahkan Ijazah
Kehormat Sarjana
Sastera (Kesela-
matan dan Keten-
teraman Awam)



oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Anugerah itu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin selaku Canselor UMS, pada Majlis Konvokesyen UMS Ke-18 di sini.

Abdul Rashid, yang juga bekas Komander Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) ketika berucap, melahirkan penghargaan dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak UMS atas anugerah itu.

Beliau menyifatkan anugerah berkenaan sebagai satu pengiktirafan besar dalam kerjaya kepolisan yang diceburinya sejak 40 tahun lalu.

“Dengan anugerah ini, ia merangsang saya untuk memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat ke arah keharmonian, pembangunan dan mendukung agenda utama kerajaan Malaysia,” katanya.

Pada majlis itu, UMS turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Akuakultur) kepada Presiden Universiti Kindai, Jepun, Prof Dr Hitoshi Shiozaki.

Majlis Konvokesyen yang bermula pada Sabtu sehingga 28 November itu menyaksikan 5,207 pelajar menerima diploma dan ijazah masing-masing.

Daripada jumlah itu, 50 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (563), Ijazah Sarjana Muda (4,530) dan Diploma 62 graduan.